

**PENGALAMAN EMOSI SEMASA IBADAH HAJI
DALAM KONTEKS RELIGIOSITI DAN
SPIRITUALITI**

ZHOORIYATI BINTI SEHU MOHAMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**PENGALAMAN EMOSI SEMASA IBADAH HAJI
DALAM KONTEKS RELIGIOSITI DAN
SPIRITUALITI**

oleh

ZHOORIYATI BINTI SEHU MOHAMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2017

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim....

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan restu-Nya saya berjaya menyempurnakan kajian ini dengan sempurna setelah bertungkus-lumus.

Adalah wajar saya rakamkan penghargaan utama kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr Intan Hashimah Mohd Hashim atas segala tunjuk ajar, bimbingan, kesabaran, kata-kata semangat dan sokongan beliau yang tidak terhingga. Perbincangan dengan beliau dari semasa ke semasa amat membantu saya memperjelaskan segala konsep yang berkaitan dengan kajian ini dan ia melicinkan proses pengajian saya. Tanpa penyeliaan beliau, kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Profesor Madya Dr Zulkarnain A. Hatta, selaku penyelia bersama dan ketua projek *Long Term Research Grant Scheme (LRGS) Hajj Research Cluster “Social Psychology of Crowd Behavior During Evacuation”* (203.PTS.6720008). Peranan beliau dalam memberikan maklumat penyelidikan selain melantik saya sebagai *Graduate Research Assistant (GRA)* untuk beberapa tempoh amatlah dihargai. Saya berpeluang untuk belajar pelbagai perkara baru dalam bidang penyelidikan serta dapat memperbaiki penulisan dan menambah pengetahuan dari semasa ke semasa bersama beliau.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), yang memberikan Pembiayaan Program MyBrain (MyPhD) pada tahun akhir pengajian. Pembiayaan ini amatlah membantu dan meringankan beban saya dari segi kewangan.

Encik Mohd Zulkifli Abdul Fattah, seorang suami dan rakan baik saya yang banyak membantu dan sentiasa bersama saya sepanjang proses penyelidikan ini. Kepercayaan, sokongan, kerjasama, keyakinan, kesabaran dan nasihat tidak terhingga yang diberikan olehnya amat membantu dan memberikan semangat kepada saya.

Seterusnya, sokongan dan kata-kata ahli keluarga saya dan keluarga mertua saya amatlah saya hargai. Tanpa semangat yang diberikan pada awal kekeliruan saya untuk menyambung pengajian saya ini, tidak mungkin saya berpeluang untuk menjalankan kajian yang sangat bernilai ini. Kata-kata itu akan saya ingat sentiasa dan ia menjadi pembakar semangat saya untuk menyempurnakan pengajian ini.

Penghargaan tidak terhingga juga kepada semua peserta kajian yang sudi menyertai kajian ini, meluangkan masa, berkongsi pengalaman mereka di Arab Saudi tanpa selindung dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada saya. Tanpa mereka tidak mungkin saya dapat menyediakan penulisan kajian ini.

Terima kasih kepada semua.

Diharapkan kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi kandungan	iv
Senarai jadual	xvii
Senarai rajah	xix
Senarai simbol	xx
Senarai singkatan	xxi
Abstrak	xix
Abstract	xxi
 BAB 1 - PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan masalah	6
1.2 Soalan kajian	11
1.3 Objektif kajian	12
1.4 Kepentingan kajian	12
1.5 Skop kajian	15
1.6 Definisi konsep	16
1.7 Rumusan	19

BAB 2 – KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	20
2.1 Emosi	21
2.1.1 Definisi emosi	22
2.1.2 Komponen emosi	25
2.1.3 Bentuk-bentuk emosi	27
2.1.4 Perkara-perkara yang mempengaruhi emosi	32
2.1.5 Teori emosi manusia	39
2.1.5(a) Teori James-Lange	39
2.1.5(b) Teori Kognitif Arnold-Ellis	40
2.1.5(c) Teori Broaden-and-Build	41
2.1.5(d) Teori dalam konteks kajian ini	42
2.2 Religiositi dan spiritualiti (R/S)	44
2.2.1 Definisi religiositi dan spiritualiti (r/s)	44
2.2.2 Bentuk emosi dalam r/s	48
2.2.3 Pergelutan r/s	52
2.2.4 R/S dalam konteks Islam	57
2.2.4(a) Pergelutan r/s dalam Islam	62
2.2.5 Kajian lepas r/s	65
2.2.6 R/S dalam konteks kajian ini	68
2.3 Haji	69
2.3.1 Hubungan manusia dan Tuhan melalui haji	71
2.3.2 Kunjungan musim haji	74

2.3.3 Hubungan sosial dalam aktiviti haji	76
2.3.4 Haji dalam konteks kajian ini	77
2.4 Kerangka konseptual	78
2.5 Rumusan	84
BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	85
3.1 Kaedah penyelidikan pengalaman emosi	86
3.1.1 Kaedah <i>self-report measurement</i>	86
3.1.1(a) Jenis-jenis kaedah <i>self-report measurement</i>	88
3.1.1(b) Kaedah reka bentuk diari	90
3.1.1(c) Alatan reka bentuk (<i>Diary study technology</i>)	91
3.1.2 Kaedah pengukuran emosi dalam konteks kajian ini	93
3.2 Reka bentuk kajian secara umum	93
3.3 Fasa pertama	95
3.3.1 Reka bentuk kajian fasa pertama	95
3.3.2 Reka bentuk pensampelan fasa pertama	96
3.3.3 Prosedur kajian fasa pertama	97
3.3.4 Lokasi kajian fasa pertama	98
3.3.5 Instrumen kajian fasa pertama	99
3.3.5(a) Demografi peserta	99
3.3.5(b) Aktiviti harian	100
3.3.5(c) Pengalaman emosi	100

3.4 Fasa kedua	103
3.4.1 Reka bentuk kajian fasa kedua	103
3.4.2 Reka bentuk pensampelan fasa kedua	105
3.4.3 Prosedur kajian fasa kedua	106
3.4.4 Lokasi kajian fasa kedua	106
3.4.5 Instrumen kajian fasa kedua	107
3.4.5(a) Demografi peserta	107
3.4.5(b) Latar belakang pengalaman haji	108
3.4.5(c) Pengalaman emosi secara spesifik	108
3.4.5(d) Pengalaman emosi haji umum	109
3.5 Penganalisan data	109
3.6 Kajian rintis	113
3.7 Kesahan dan kebolehpercayaan	114
3.8 Etika penyelidikan	116
3.9 Rumusan	117
BAB 4 – DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	118
4.1 Analisis fasa pertama-Catatan diari harian	118
4.1.1 Kes 1	120
4.1.1(a) Hari pertama	120

4.1.1(b) Hari ketiga	122
4.1.1(c) Hari kelima	123
4.1.1(d) Hari ketujuh	125
4.1.1(e) Hari kesembilan	126
4.1.1(f) Hari ke-11	128
4.1.1(g) Hari ke-13	129
4.1.1(h) Hari ke-15	131
4.1.1(i) Hari ke-17	133
4.1.1(j) Hari ke-19	135
4.1.2 Kes 2	140
4.1.2(a) Hari pertama	140
4.1.2(b) Hari ketiga	141
4.1.2(c) Hari kelima	142
4.1.2(d) Hari ketujuh	144
4.1.2(e) Hari kesembilan	145
4.1.2(f) Hari ke-11	147
4.1.2(g) Hari ke-13	148
4.1.2(h) Hari ke-15	149
4.1.2(i) Hari ke-17	151
4.1.2(j) Hari ke-19	152
4.1.3 Kes 3	156
4.1.3(a) Hari pertama	156

4.1.3(b) Hari ketiga	157
4.1.3(c) Hari kelima	159
4.1.3(d) Hari ketujuh	160
4.1.3(e) Hari kesembilan	162
4.1.3(f) Hari ke-11	163
4.1.3(g) Hari ke-13	165
4.1.3(h) Hari ke-15	166
4.1.3(i) Hari ke-17	167
4.1.3(j) Hari ke-19	168
4.1.4 Kes 4	171
4.1.4(a) Hari pertama	171
4.1.4(b) Hari ketiga	173
4.1.4(c) Hari kelima	174
4.1.4(d) Hari ketujuh	175
4.1.4(e) Hari kesembilan	177
4.1.4(f) Hari ke-11	178
4.1.4(g) Hari ke-13	179
4.1.4(h) Hari ke-15	181
4.1.4(i) Hari ke-17	182
4.1.4(j) Hari ke-19	183
4.1.5 Kes 5	187
4.1.5(a) Hari pertama	187
4.1.5(b) Hari ketiga	188

4.1.5(c) Hari kelima	190
4.1.5(d) Hari ketujuh hingga ke-19	191
4.2 Analisis fasa kedua-Borang soal selidik terbuka	193
4.2.1 Latar belakang diri peserta	193
4.2.1(a) Deskripsi jantungina	193
4.2.1(b) Deskripsi umur	194
4.2.1(c) Deskripsi negeri asal	195
4.2.1(d) Deskripsi negeri tempat tinggal sekarang	196
4.2.1(e) Deskripsi pendidikan tertinggi	197
4.2.1(f) Deskripsi pekerjaan	198
4.2.1(g) Deskripsi pendapatan bulanan	199
4.2.1(h) Deskripsi taraf perkahwinan	200
4.2.1(i) Deskripsi bilangan anak	201
4.2.1(j) Deskripsi pengalaman haji terkini	202
4.2.1(k) Deskripsi teman haji terkini	203
4.2.2 Latar belakang pengalaman haji	204
4.2.2(a) Deskripsi kali terakhir, tujuan, tajaan dan penjelasan dan teman ke Arab Saudi	204
4.2.2(b) Deskripsi tajaan dan penjelasan lawatan terkini ke Arab Saudi	206
4.2.3 Pengalaman emosi haji spesifik	207
4.2.3(a) Deskripsi emosi gembira	208
4.2.3(a)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi gembira	208
4.2.3(a)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi gembira	209

4.2.3(a)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi gembira	210
4.2.3(a)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian semasa emosi gembira	210
4.2.3(a)(v) Deskripsi pengakhiran emosi gembira	211
4.2.3(b) Deskripsi emosi bangga	212
4.2.3(b)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi bangga	212
4.2.3(b)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi bangga	213
4.2.3(b)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi bangga	214
4.2.3(b)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian semasa emosi bangga	214
4.2.3(b)(v) Deskripsi pengakhiran emosi bangga	215
4.2.3(c) Deskripsi emosi teruja	216
4.2.3(c)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi teruja	216
4.2.3(c)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi teruja	216
4.2.3(c)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi teruja	217
4.2.3(c)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian semasa emosi teruja	218
4.2.3(c)(v) Deskripsi pengakhiran emosi teruja	218
4.2.3(d) Deskripsi emosi bersyukur	219
4.2.3(d)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi bersyukur	219
4.2.3(d)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi bersyukur	220
4.2.3(d)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi bersyukur	221

4.2.3(d)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian semasa emosi bersyukur	221
4.2.3(d)(v) Deskripsi pengakhiran emosi bersyukur	222
4.2.3(e) Deskripsi emosi bersemangat	223
4.2.3(e)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi bersemangat	223
4.2.3(e)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi bersemangat	223
4.2.3(e)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi bersemangat	224
4.2.3(e)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian semasa emosi bersemangat	225
4.2.3(e)(v) Deskripsi pengakhiran emosi bersemangat	225
4.2.3(f) Deskripsi emosi sedih	226
4.2.3(f)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi sedih	226
4.2.3(f)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi sedih	227
4.2.3(f)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi sedih	227
4.2.3(f)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian sedih	228
4.2.3(f)(v) Deskripsi pengakhiran emosi sedih	228
4.2.3(g) Deskripsi emosi marah	230
4.2.3(g)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi marah	230
4.2.3(g)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi marah	230
4.2.3(g)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi marah	231

4.2.3(g)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian marah	231
4.2.3(g)(v) Deskripsi pengakhiran emosi marah	232
4.2.3(h) Deskripsi emosi risau	233
4.2.3(h)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi risau	233
4.2.3(h)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi risau	233
4.2.3(h)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi risau	234
4.2.3(h)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian risau	235
4.2.3(h)(v) Deskripsi pengakhiran emosi risau	235
4.2.3(i) Deskripsi emosi benci	236
4.2.3(i)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi benci	236
4.2.3(i)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi benci	236
4.2.3(i)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi benci	237
4.2.3(i)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian benci	237
4.2.3(i)(v) Deskripsi pengakhiran emosi benci	238
4.2.3(j) Deskripsi emosi takut	238
4.2.3(j)(i) Deskripsi kekerapan pengalaman emosi takut	238
4.2.3(j)(ii) Deskripsi situasi pengalaman emosi takut	239
4.2.3(j)(iii) Deskripsi individu bersama ketika emosi takut	240

4.2.3(j)(iv) Deskripsi tindak balas terhadap emosi/kejadian takut	240
4.2.3(j)(v) Deskripsi pengakhiran emosi takut	241
4.2.4 Pengalaman emosi haji umum	242
4.2.4(a) Deskripsi emosi paling kerap	242
4.2.4(b) Deskripsi perkara paling menggembirakan	243
4.2.4(c) Deskripsi perkara paling menyedihkan	246
4.3 Analisa dapatan kajian kombinasi catatan diari harian dan borang soal selidik terbuka berdasarkan soalan kajian	248
4.3.1 Apakah bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	248
4.3.2 Bagaimanakah kekerapan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	249
4.3.3 Apakah perkara-perkara yang menimbulkan emosi dari faktor waktu, lokasi, aktiviti, individu bersama, peristiwa kejadian dan lain-lain semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	251
4.3.4 Bagaimanakah tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	269
4.3.5 Bagaimanakah bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	272
4.4 Rumusan	274

BAB 5 – PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	275
5.1 Ringkasan dapatan kajian	275
5.1.1 Bentuk-bentuk emosi golongan jemaah haji semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	276
5.1.2 Kekерapan emosi yang dialami golongan jemaah haji semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	278
5.1.3 Perkara-perkara yang menimbulkan emosi dari faktor waktu, lokasi, aktiviti, individu bersama, peristiwa kejadian dan lain-lain semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	279
5.1.4 Tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	285
5.1.5 Bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	286
5.2 Perbincangan dapatan kajian	288
5.2.1 Apakah bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	288
5.2.2 Bagaimanakah kekerapan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	292
5.2.3 Apakah perkara-perkara yang menimbulkan emosi dari faktor waktu, lokasi, aktiviti, individu bersama, peristiwa kejadian dan lain-lain semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	293

5.2.4 Bagaimanakah tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	303
5.2.5 Bagaimanakah bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?	306
5.3 Implikasi kajian	308
5.4 Limitasi kajian	312
5.5 Cadangan penyelidikan masa hadapan	314
5.6 Kesimpulan	317
RUJUKAN	318
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.1	Ringkasan pengalaman emosi kes 1	138
Jadual 4.2	Ringkasan pengalaman emosi kes 2	154
Jadual 4.3	Ringkasan pengalaman emosi kes 3	169
Jadual 4.4	Ringkasan pengalaman emosi kes 4	185
Jadual 4.5	Ringkasan pengalaman emosi kes 5	192
Jadual 4.6	Jantina peserta kajian	194
Jadual 4.7	Umur peserta kajian	195
Jadual 4.8	Negeri asal peserta kajian	196
Jadual 4.9	Negeri tempat tinggal sekarang peserta kajian	197
Jadual 4.10	Tahap pendidikan peserta kajian	198
Jadual 4.11	Pekerjaan peserta kajian	199
Jadual 4.12	Pendapatan bulanan peserta kajian	200
Jadual 4.13	Taraf perkahwinan peserta kajian	201
Jadual 4.14	Bilangan anak peserta kajian	202
Jadual 4.15	Pengalaman haji terkini peserta kajian	203
Jadual 4.16	Teman haji terkini peserta kajian	204
Jadual 4.17	Lawatan terakhir ke Arab Saudi sebelum ini	206
Jadual 4.18	Tajaan ke Arab Saudi sebelum ini	207
Jadual 4.19	Emosi paling kerap berlaku	243
Jadual 4.20	Perkara paling menggembirakan	245
Jadual 4.21	Perkara paling menyedihkan	247

Jadual 4.22	Bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.	249
Jadual 4.23	Kekerapan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	250
Jadual 4.24	Perkara-perkara yang menimbulkan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	253
Jadual 4.25	Tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	270
Jadual 4.26	Bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi	273

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Ringkasan Teori James-Lange	40
Rajah 2.2	Kerangka konseptual	83

SENARAI SIMBOL

/	Atau
n	Saiz sampel
%	Peratus

SENARAI SINGKATAN

LTHM	Lembaga Tabung Haji Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
PhD	<i>Doctorate of Philosophy</i>

PENGALAMAN EMOSI SEMASA IBADAH HAJI DALAM KONTEKS RELIGIOSITI DAN SPIRITUALITI

ABSTRAK

Walaupun emosi merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia dan boleh menentukan kualiti kehidupan, emosi dalam konteks religiositi dan spiritualiti seperti haji masih belum banyak dikaji. Kajian berbentuk eksploratif yang menggunakan pendekatan kualitatif ini telah dijalankan untuk memahami pengalaman emosi para jemaah haji semasa menjalankan ibadah haji di Arab Saudi. Lebih spesifik lagi, kajian bertujuan untuk, 1) mengenal pasti bentuk-bentuk emosi yang dialami, 2) meninjau kekerapan emosi yang dialami, 3) menyelidik perkara-perkara yang menimbulkan emosi ini dari faktor waktu, lokasi, aktiviti, individu bersama, peristiwa, kejadian dan lain-lain, 4) meneroka tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami serta 5) mengkaji bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami. Untuk mencapai objektif penyelidikan ini, kajian kualitatif ini telah dijalankan dalam dua fasa iaitu fasa pertama melibatkan lima orang peserta yang melengkapkan catatan diari harian selama sepuluh hari terpilih semasa sedang menjalankan ibadah haji di Arab Saudi. Manakala fasa kedua pula melibatkan 53 orang peserta yang melengkapkan borang soal selidik terbuka dalam tempoh enam bulan selepas kembali dari mengerjakan haji. Kaedah *thematic analysis* dan ordinal telah digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa jemaah haji melaporkan bentuk emosi yang pelbagai. Walaupun emosi negatif turut dialami, namun emosi positif seperti gembira adalah emosi utama yang dialami oleh jemaah sepanjang berada di Arab Saudi. Di samping itu, jemaah haji juga turut mengalami emosi spiritual seperti tenang dan syukur. Meneliti dapatan kajian,

menjalankan ibadah haji di Arab Saudi bolehlah disimpulkan sebagai satu bentuk pengalaman emosi yang positif. Kejadian emosi semasa haji ditimbulkan oleh pelbagai faktor seperti aktiviti dan interaksi sosial. Antara implikasi, dapatan kajian menyokong teori *the broaden-and-build* yang mencadangkan bahawa seseorang individu akan meneroka dan mencuba untuk mengekalkan pengalaman emosi berbentuk positif yang dialami. Dapatan kajian juga mencadangkan haji sebagai satu pengalaman positif yang perlu digalakkan tetapi jemaah perlu membuat persediaan untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk emosi. Memandangkan kajian ini hanya dijalankan terhadap 58 orang peserta secara keseluruhannya atas sebab-sebab tertentu, kajian masa hadapan haruslah dijalankan dengan melibatkan lebih ramai peserta kajian untuk memperoleh dapatan yang meluas. Selain itu, kajian masa hadapan juga boleh menggunakan teknik kutipan yang membolehkan pengalaman emosi dikaji dengan lebih meluas dan mendalam di samping mendapat kerjasama daripada badan bertanggungjawab pengurusan jemaah haji Malaysia untuk memudahkan proses pengumpulan data.

EMOTIONAL EXPERIENCE DURING HAJJ IN THE CONTEXT OF RELIGIOSITY AND SPIRITUALITY

ABSTRACT

Even though emotion is an important aspect in human's life and can determine their quality of life, emotion in the context of religiosity and spirituality such as hajj has not been explored adequately. This explorative study using qualitative approach was conducted to understand emotional experience of individuals while performing Hajj in Saudi Arabia.. More specifically, this study aimed 1) to identify the type of emotions experienced, 2) to discover the frequency of the emotions, 3) to examine the factor that elicits emotions from the aspects of time, location, activities, individuals they are with, events, and others, 4) to explore reactions and the endings to emotions experienced and 5) to study the type of emotional changes experienced. To achieve the research objectives, this qualitative study was conducted in two phase in which the first phase involves 5 participants who completed their daily diary entries for ten selected days while performing hajj in Saudi Arabia. The second phase involves 53 participants who completed an open ended questionnaire within 6 months of their return from performing hajj. Thematic analysis and ordinal analysis were used to analyze the data collected. The results show that the hajj pilgrims reported a various type of emotions. Although negative emotions was experienced, positive emotions such as happiness were the main type of emotions experienced by the participants. In addition, hajj pilgrims also experienced spiritual emotions such as peacefulness and gratitude. From the findings, it can be concluded that performing hajj provides a positive emotional experiences. Emotional experiences during the pilgrimage were elicited by various factors such as

activities performed and social interactions. As one of the implications, the findings support the broaden-and-build theory which suggests that individuals will further explore and try to maintain a positive emotional experience. The findings also suggest that performing hajj provides positive experiences that should be encouraged, but the pilgrims must be prepared to face various type and wide range of emotions. Due to the fact that this research was conducted with only 58 participants due to various reasons, future researches should involve a bigger number of respondents to ensure wider results. Besides that, future studies should also use data collection technique that enables emotional experiences to be captured more widely and deeply and should also engage and obtain cooperation from authorities in charge of hajj in Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Emosi memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan harian (Pham & Tran, 2012; Nezlek & Kuppens, 2008; Burns & Neisner, 2006; Desmet, 2003) dengan menentukan kualiti kehidupan manusia (Ekman, 2003). Ia mempengaruhi manusia dalam membuat sesuatu keputusan (Pham & Tran, 2012; Burns & Neisner, 2006), pembentukan persepsi dan sistem pembelajaran (Pham & Tran, 2012), interaksi sosial (Sander, Grandjean, Pourtois, Schwartz, Seghier, Scherer, & Vuilleumier, 2005; Russell, Bachorowski, & Fernandez-Dols, 2003; Scherer, 2003) dan gaya tingkah laku di persekitaran (Burns & Neisner, 2006). Emosi juga berupaya menentukan kualiti kehidupan sama ada menyeronokkan atau sebaliknya (Desmet, 2003). Misalnya, aktiviti-aktiviti harian seperti interaksi dengan orang sekeliling berpotensi menimbulkan emosi sama ada menggembirakan atau tidak dan akhirnya mempengaruhi kualiti kehidupan dalam jangka panjang (Desmet, 2003).

Namun begitu, emosi bukanlah sesuatu yang mudah didefinisikan dan dijelaskan dengan tepat (Kalat & Shiota, 2007). Misalnya, Kleinginna dan Kleinginna (2005) telah mengenal pasti lebih daripada 90 definisi emosi. Walau bagaimanapun, emosi dikenal pasti sebagai tahap perasaan emosi (Johnson-Laird & Oatley, 1989) yang melibatkan kesan positif dan negatif (Ortony, Clore, & Collins, 1988) dan melibatkan kebangkitan autonomi (Schachter & Singer, 1962). Kehadiran emosi menimbulkan perubahan pada bahagian otak dengan menggerakkan manusia untuk berurusan dengan perkara yang

mencetuskan emosi. Di samping itu, perubahan terhadap sistem saraf autonomi yang mengawal kadar degupan jantung, pernafasan, perpeluhan dan lain-lain perubahan pada badan juga turut berlaku ketika mengalami emosi. Perubahan tersebut berlaku untuk mempersiapkan manusia menghadapi bentuk emosi yang lain. Setelah berlakunya perubahan pada sistem saraf autonomi, emosi menghantar isyarat yang kemudiannya menyebabkan perubahan pada ekspresi wajah, tona suara dan kedudukan badan. Perubahan-perubahan ini adalah berlaku secara spontan dan tidak ditentukan oleh manusia sendiri (Ekman, 2003). Hal ini menjelaskan emosi sebagai satu konsep yang kompleks dan mempunyai pelbagai aspek. Kajian ini meneliti kompleksiti emosi ini dengan melihat pengalaman emosi dari pelbagai sudut.

Dari definisi diatas, emosi boleh dikategorikan kepada emosi positif dan negatif (Hayes, 2010; Ekman, 2004). Lazarus (1993) dalam tulisannya mengaitkan emosi dengan dua set emosi iaitu emosi positif dan negatif iaitu set emosi positif yang terdiri daripada kasih sayang, cinta, kegembiraan dan ketenangan. Manakala set emosi negatif pula terdiri daripada marah, cemburu, takut, keluh, sedih, dengki dan benci. Ekman (2004) pula telah menyenaraikan pelbagai bentuk emosi positif dan negatif yang asas seperti kegembiraan, keseronokan, terkejut, takut dan sebagainya dalam kajiannya yang mengkaji ekspresi emosi dalam diri seseorang individu secara mendalam. Walau bagaimanapun dalam konteks kajian dalam bidang emosi, para penyelidik lebih banyak berfokus kepada pengalaman berbentuk negatif (rujuk kajian Kerig, Bennett, Chaplo, Modrowski, & McGee, 2016; Xie & Zhang, 2016; Oatley & Duncan, 1994) kerana emosi negatif menyebabkan ancaman berbanding peluang (Nesse, 1990). Perkara ini menyebabkan emosi negatif seperti marah, takut dan risau dilihat sebagai pengalaman

emosi yang utama berbanding emosi yang lebih positif (Hayes, 2010). Manakala emosi positif adalah sedikit dan ia lebih berbeza dari segi kepentingan fungsinya. Selain itu, emosi positif juga sering menggambarkan kekurangan kereaktifan autonomi (Levenson, Ekman, & Friesen, 1990) dan memainkan peranan penting untuk terus hidup, evolusi dan pembangunan. Manakala emosi negatif pula biasanya memainkan peranan secara autonomi dan stereotaip dalam masa yang singkat (Ekman, 2003; Le Doux, 1996). Kajian ini cuba mengupas kepelbagaian pengalaman emosi ini.

Emosi dialami dalam setiap hubungan seperti di tempat kerja, dalam persahabatan, dengan ahli keluarga dan hubungan intim (Ekman, 2003). Ia dialami apabila seseorang individu menilai sesuatu kejadian atau situasi sebagai penting kepada kesejahteraan dan penumpuannya (Ekman, 2003; Smith & Ellsworth, 1985; Roseman, 1984; Scherer, 1984). Misalnya, seseorang individu akan berasa takut dan menjadi *submissive* apabila dikritik oleh majikan terhadap tugas yang dilakukannya (Ekman, 2003). Walau bagaimanapun, kualiti dan intensiti penghasilan emosi adalah tidak bergantung pada sesuatu situasi, tetapi ia bergantung pada subjektif penaksiran sesuatu situasi (Smith & Ellsworth, 1985; Roseman, 1984; Scherer, 1984). Kejadian emosi adalah sering berubah-ubah kerana emosi adalah bersifat dinamik iaitu ia sering berubah bergantung kepada kejadian atau bentuk aktiviti yang dilakukan dan individu yang ditemui (Ekman, 2004) serta cara penafsiran sesuatu kejadian atau individu yang ditemui (Clingingsmith, Khwaja, & Kremer, 2008). Hal ini kerana cara penaksiran membangkitkan bentuk penafsiran dan pengalaman emosi yang berlainan (Clingingsmith et al., 2008). Hal ini menjelaskan bahawa, kejadian emosi adalah bergantung terhadap sesuatu kejadian dan maksudnya (Kalat & Shiota, 2007) iaitu ia

adalah reaksi kepada individu atau kejadian (Robbins & Timothy, 2010). Kajian ini meneliti bagaimana haji sebagai satu aktiviti ibadah dalam konteks religiositi dan spiritualiti dapat mempengaruhi pengalaman emosi secara umum serta bagaimana aspek-aspek spesifik dari pengalaman tersebut seperti interaksi sosial dan tahap spiritual memainkan peranan dalam menyumbang kepada pengalaman emosi individu yang sedang mengerjakan haji.

Meneliti lebih mendalam kepada aspek spiritualiti, pula emosi merupakan perkara yang penting dalam kehidupan seseorang kerana pengalaman spiritualiti memberi pelbagai kesan kepada tahap kesejahteraan seseorang individu (Idler, Musick, Ellison, George, Krause, Ory, Pargament, Powell, Underwood, & Williams, 2003; Hodges, 2002). Individu yang mempunyai tahap spiritualiti yang tinggi cenderung mengalami pengalaman emosi yang lebih positif (Vaillant, 2008). Misalnya, emosi kagum merupakan salah satu bentuk emosi yang dikaitkan dengan pengalaman spiritual (Culliford, 2012). Lazimnya, emosi spiritual dialami apabila seseorang individu berada di tempat-tempat beribadah, ketika melakukan aktiviti atau amalan keagamaan serta dialami oleh seseorang individu yang menggelarkan dirinya sebagai seorang yang kuat agama (Mahoney, Pargament, Jewell, Swank, Scott, Emery, & Rye, 1999). Oleh itu, pandangan terhadap hubungan antara spiritualiti dan emosi akan memberikan pemahaman jelas tentang sesuatu proses dan hasil yang berkaitan dengan tahap spiritualiti (Tong, 2016).

Dalam konteks kajian ini, pengalaman spiritualiti di atas dapat dikaitkan dengan pelbagai aktiviti r/s seperti aktiviti haji iaitu sebuah perjalanan spiritual yang bukan berbentuk materialistik (Sardar, 1979). Ibadah haji merupakan penziarahan ke Arab Saudi yang terbesar dan pengumpulan atau perhimpunan paling lama di dunia (Shafi, Dar, Khan, Khan, Azhar, McCloskey, Zumla, & Petersen, 2016; Al-Tawfiq & Memish, 2014; Al-Faisal, 2009; Shafi, Booy, Haworth, Rashid, & Memish, 2008). Aktiviti ini juga melibatkan berjuta-juta umat Islam yang akan berkumpul di Arab Saudi untuk menunaikan suruhan Allah S.W.T pada setiap tahun (Al-Faisal, 2009). Bilangan orang yang berkumpul semasa musim haji pada masa kini adalah dua juta orang dari 140 buah negara (Shafi et al., 2008) dan bilangannya semakin bertambah memandangkan peningkatan bilangan umat Islam di dunia (Al-Faisal, 2009). Misalnya, pada tahun 2016 seramai lebih daripada 1.5 juta orang dari 150 buah negara telah menunaikan ibadah haji di Arab Saudi (Hajj 2016: More than a million Muslims head to Mecca).

Penglibatan jutaan manusia di suatu tempat yang sama pada waktu yang sama dipercayai menyebabkan pelbagai risiko seperti penularan penyakit (Ahmed, Arabi, & Memish, 2006) atau kecederaan (Shafi et al., 2016). Misalnya, perhimpunan agama biasanya dikaitkan dengan penyakit pernafasan dan *gastrointestinal* (Abubakar, Gautret, Brunette, Blumberg, Johnson, Pomerol, Memish, Barbeschi, & Khan, 2012). Selain itu, risiko dari rempuhan dan kecederaan disebabkan kesesakan adalah terus berlaku ketika musim haji. Misalnya, peristiwa kren jatuh dan rempuhan pada tahun 2015 (Shafi et al., 2016) yang menyebabkan kematian lebih 1500 jemaah haji termasuk jemaah Malaysia (Daily News, 8 Oktober 2015) menggambarkan trauma yang boleh menjadi punca utama kecederaan dan kematian semasa haji. Tambahan pula, ramai jemaah yang berjalan jauh

sebagai sebahagian daripada ritual selalunya terlibat dalam kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor (Shafi et al., 2016). Kejadian-kejadian seperti ini dipercayai turut memberi implikasi kepada tahap spiritualiti, mental dan emosi yang dipercayai menyebabkan pengalaman emosi dinamik atau berubah-ubah.

Berdasarkan hasil perbincangan di atas, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelbagai bentuk emosi yang dialami dari konteks aktiviti keagamaan yang difokuskan kepada ibadah haji. Ibadah haji yang merupakan satu bentuk perjalanan spiritual yang bukan berbentuk materialistik (Sardar, 1979) dipercayai menyebabkan bentuk emosi yang dinamik dan ia berkemungkinan besar berhubung kait dengan tahap spiritualiti seseorang individu. Maka, kajian ini menyelidik bentuk-bentuk emosi yang dialami serta lain-lain perkara yang berhubungan yang mempengaruhi emosi jemaah haji semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.

1.1 Pernyataan Masalah

Haji merupakan aktiviti spiritual yang mengumpulkan berjuta-juta umat Islam dari 140 buah negara pada waktu yang sama. Hal ini menyebabkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak pentadbiran Arab Saudi (Shafi et al., 2008). Semasa menjalankan ibadah haji, jemaah haji pula berhadapan dengan pelbagai risiko yang disebabkan oleh persekitaran, tingkah laku dan tahap kesihatan yang boleh menyebabkan pelbagai bentuk penyakit (Alzahrani, Choudhry, Al Mazroa, Turkistani, Nouman, & Memish, 2012). Alzahrani dan rakan-rakan (2012) menyatakan bahawa jemaah haji cenderung mengalami masalah kesihatan seperti gangguan sistem respiratori, *musculoskeletal*, masalah kulit, *gastrointestinal*, diabetes, asma dan

hypertension. Dalam konteks ini adalah jelas bahawa para penyelidik lebih banyak berfokus terhadap tahap kesihatan dan bentuk-bentuk penyakit yang tersebar ketika proses haji (Salmon-Rousseau, Piednoir, Cattoir, & de La Blanchardière, 2016; Shafi et al., 2016; Al-Tawfiq & Memish, 2014; Shafi et al., 2008; Ahmed, Arabi, & Memish, 2006). Walaupun penting untuk memahami bagaimana pelbagai penyakit tersebar semasa proses haji, namun ia adalah penting juga untuk mengkaji bentuk emosi yang dialami dalam situasi-situasi tersebut juga. Hal ini kerana kejadian luaran faktor-faktor lain dipercayai mempengaruhi kejadian sesuatu pengalaman emosi. Kajian-kajian yang dijalankan berkaitan haji sebelum ini (seperti yang dibincangkan di awal perenggan ini) didapati lebih berfokus untuk mengenal pasti kesan yang disebabkan oleh faktor persekitaran, tingkah laku dan tahap kesihatan. Walau bagaimanapun perbincangan menunjukkan bahawa kajian-kajian tersebut tidak difokuskan untuk mengesan kesan terhadap emosi jemaah haji semasa menjalankan aktiviti haji. Dipercayai faktor-faktor seperti persekitaran, tingkah laku dan tahap kesihatan yang dibincangkan, memberi kesan terhadap emosi jemaah haji. Buat masa ini, tiada kajian tentang jemaah haji yang berfokus secara keseluruhan terhadap pengalaman emosi jemaah haji semasa mengerjakan ibadah haji. Hal ini menunjukkan satu jurang penyelidikan yang jelas yang perlu diisi untuk kita memahami keseluruhan pengalaman haji dari konteks akademik.

Melihat dari sudut kajian-kajian pengalaman emosi dalam konteks spiritual yang lebih umum, memang terdapat kajian yang dijalankan tentang hal ini seperti kajian Kindermann dan Riegel (2016). Walau bagaimanapun kajian tersebut hanya mengkaji pengalaman emosi semasa berada di dalam gereja sebagai tempat religiositi dan spiritualiti (r/s) (Kindermann dan Riegel, 2016). Hasil kajian tersebut didapati kanak-

kanak yang terlibat dalam kajian mengalami emosi positif semasa berada di dalam bangunan gereja. Mereka dilaporkan mengalami emosi seperti selesa dan seronok. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa suasana di dalam gereja mengaktifkan deria kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak tersebut juga menyifatkan emosi mereka terhadap bunyi di dalam bangunan tersebut, suasana yang tenang, suhu atau bau yang tertentu di dalam bangunan gereja tersebut. Daripada 516 orang kanak-kanak yang terlibat dalam kajian tersebut, seramai 19 orang melaporkan emosi negatif seperti kurang selesa. Pengalaman emosi negatif dilaporkan oleh kanak-kanak tersebut disebabkan oleh keadaan lampu, bau yang kurang menyelesaikan dan suhu yang sejuk. Di samping itu, pengaktifan kognitif juga boleh dikatakan sebagai salah satu punca kepada pengalaman negatif dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Namun begitu, ia tidak begitu menonjol kerana pengalaman emosi adalah berdasarkan deria. Maka, kajian tersebut meringkaskan bahawa hampir semua murid dalam kajian tersebut melaporkan emosi positif. Seperti yang dijelaskan diatas, kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti bentuk emosi kanak-kanak yang berada di dalam bangunan gereja semasa lawatan akademik (*scholastic field trips*) dan tidak dijalankan terhadap golongan dewasa serta tidak berfokus terhadap agama Islam juga. Perihal ini menyebabkan kita belum memahami pengalaman emosi dalam konteks spiritual dari sudut agama Islam. Selain itu, dari konteks terapi mainan adalah jelas bahawa kanak-kanak menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti kejadian emosi positif dan negatif (Harter, 1977). Hal ini juga menimbulkan pertanyaan kepada kita tentang apakah bentuk-bentuk emosi yang mungkin dialami oleh golongan dewasa yang sudah boleh mengenal pasti tentang sesuatu yang berlaku di persekitaran r/s. Di samping itu, ia juga menimbulkan persoalan kepada kita tentang mengenai bentuk-bentuk emosi yang dialami oleh golongan dewasa

semasa menunaikan ibadah haji seperti yang dibincangkan sebelum ini. Hal ini memperjelaskan lagi jurang penyelidikan yang telah disebut sebelum ini.

Di samping itu, kajian dalam bidang r/s juga turut membincangkan tahap kesihatan dan kesejahteraan seperti kajian yang dijalankan oleh Stauner, Exline dan Pargament (2016). Kajian tersebut menumpukan pergelutan r/s dari konteks kesihatan fizikal dan mental dan kesejahteraan hidup. Walaupun kajian ini mengkaji perihal kesihatan mental, namun ia tidak menyelidik perihal emosi yang memainkan peranan dalam penentuan tahap r/s. Adalah menarik untuk para penyelidik menyelidik hubungan mental dan emosi yang hadir bersama.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang telah mengkaji emosi ketika proses penziarahan ke tempat suci seperti kajian yang dijalankan oleh Hede dan Hall (2012). Kajian tersebut dijalankan dengan berfokuskan kepada penziarahan ke tempat suci Gallipoli iaitu penziarahan spiritual golongan Kristian. Walaupun penziarahan ke tempat suci Gallipoli dan ibadah haji adalah berbeza, namun ia mempunyai persamaan dari faktor tujuan lawatan iaitu lawatan yang dijalankan adalah bertujuan spiritual. Dalam kajian tersebut dinyatakan bahawa jemaah mengalami kedua-dua bentuk emosi positif dan negatif walaupun ia adalah lawatan berbentuk spiritual. Emosi positif yang dialami oleh peserta kajian tersebut adalah terdiri daripada seronok, kesedihan, sayang, marah, terkejut dan takut. Walaupun peserta kajian tersebut mengalami emosi negatif, namun ia diapati tidak menjejaskan aktiviti mereka. Walaupun kajian tersebut mempunyai persamaan dari faktor tumpuan iaitu emosi dan spiritualiti, namun ia adalah jelas bahawa lawatan ke Gallipoli dan Arab Saudi adalah dua destinasi, proses dan suasana yang berbeza. Hal ini kerana aktiviti haji adalah lebih lama berbanding aktiviti Gallipoli serta

ia melibatkan lebih ramai individu dalam satu masa. Hal ini dipercayai menyebabkan lebih banyak kejadian dan pengalaman emosi yang berbeza dalam kalangan jemaah haji disebabkan oleh pelbagai faktor. Maka, ia adalah penting juga untuk memahami fenomena pengalaman seperti emosi dalam konteks Islam dan haji.

Secara ringkasnya, kebanyakan literatur haji tidak berfokus kepada pengalaman emosi dari konteks Islam terutamanya haji (Shafi et al., 2016; Abubakar et al., 2012; Ahmed, Arabi, & Memish, 2006). Manakala literatur emosi pula tidak berfokus kepada spiritualiti terutamanya dari konteks haji (Van Cappellen, Toth-Gauthier, Saroglou, & Fredrickson, 2016; Tsai, Miao, & Seppala, 2007; Piedmont, 2005; Moberg, 2002; Gorsuch, 1984). Hal ini menyebabkan literatur pengalaman emosi dalam spiritualiti terutamanya ibadah haji atau dengan menggunakan sampel Malaysia adalah terhad. Kekurangan literatur yang berfokus kepada emosi dalam konteks spiritual Islam juga memberi kesan kepada kekurangan teori dalam bidang psikologi. Hal ini membentuk jurang penyelidikan yang ketara. Maka, lebih banyak kajian perlu dijalankan untuk memahami perkara ini.

Hasil perbincangan sebelum ini dapat disimpulkan bahawa pengalaman mengerjakan haji merupakan sesuatu yang kompleks dan perlu difahami dengan lebih mendalam lagi terutamanya bentuk pengalaman emosi yang dialami ketika menunaikan ibadah haji. Di samping itu, berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan diatas adalah jelas juga bahawa masih terdapat pelbagai perkara yang belum dikaji sepenuhnya tentang ibadah haji terutamanya dari konteks emosi. Maka, kajian ini adalah perlu dijalankan untuk mengisi persoalan-persoalan tersebut. Oleh itu, bahagian seterusnya

membincangkan senarai soalan kajian yang dihasilkan berdasarkan pernyataan masalah dan kajian-kajian literatur.

1.2 Soalan Kajian

Perbincangan di atas membawa kepada fokus utama kajian iaitu pengalaman emosi jemaah haji semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Untuk meneliti fokus kajian yang utama ini secara menyeluruh, soalan-soalan kajian yang lebih spesifik dibentuk seperti berikut:

1. Apakah bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?
2. Bagaimanakah kekerapan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?
3. Apakah perkara-perkara yang menimbulkan emosi dari faktor waktu, lokasi, aktiviti, individu bersama, peristiwa, kejadian dan lain-lain semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?
4. Bagaimanakah tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?
5. Bagaimanakah bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi?

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian adalah konsisten dengan persoalan kajian seperti dinyatakan di bawah:

1. Untuk mengenal pasti bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.
2. Untuk mengenal pasti kekerapan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.
3. Untuk menyelidik perkara-perkara yang menimbulkan emosi dari faktor waktu, lokasi, aktiviti, individu bersama, peristiwa, kejadian dan lain-lain semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.
4. Untuk menganalisis tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.
5. Untuk mengkaji bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi.

1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan utama kajian ini adalah untuk memberi gambaran dan kefahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang bentuk-bentuk pengalaman emosi yang dialami ketika menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Laporan ini adalah amat penting kepada bakal jemaah haji memandangkan bilangan individu yang menunaikan ibadah haji adalah amat ramai selain ia melibatkan pelbagai bentuk aktiviti di lokasi-lokasi yang

berlainan. Di samping itu, bilangan jemaah yang ramai juga memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi dan bersosial dengan jemaah dari pelbagai negara. Perkara-perkara ini dipercayai membangkitkan pelbagai bentuk emosi sama ada berbentuk positif atau negatif. Maka, dengan adanya kajian ini, ia dapat membantu bakal jemaah haji untuk membuat persediaan awal dari segi mental dan fizikal sebelum berangkat ke Arab Saudi untuk menjalankan ibadah haji.

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, para penyelidik lebih memberi tumpuan kepada lain-lain perkara seperti bentuk-bentuk penyakit yang menular dan tahap kesihatan jemaah haji semasa menunaikan ibadah haji. Namun, perhatian adalah kurang diberi kepada bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa proses haji. Emosi yang dialami semasa proses haji adalah dipercayai dinamik dan unik. Walaupun begitu, emosi negatif yang tinggi serta tidak dikawal boleh menyebabkan pelbagai implikasi negatif. Maka, dengan adanya kajian ini, ia dapat menjelaskan dan memberi panduan bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa proses haji. Dapatan ini juga dapat membantu bidang akademik terutamanya psikologi untuk menjelaskannya secara menyeluruh tentang pengalaman emosi.

Di samping itu, kajian ini juga penting untuk mengenal pasti bentuk emosi yang dialami oleh jemaah haji dalam suasana yang sama. Hal ini kerana adalah dipercayai seseorang individu mengalami emosi yang berbeza walaupun berada dalam situasi yang sama. Maka, dengan adanya kajian ini dapat menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang individu mengalami sesuatu emosi dari konteks spiritual.

Dari konteks psikologi, kajian ini adalah penting untuk mengenal pasti bentuk emosi dari konteks spiritualiti Islam yang difokuskan kepada ibadah haji. Disebabkan kebanyakan kajian literatur tidak difokuskan kepada ibadah haji, maka dapatan kajian ini dapat menjelaskan bentuk-bentuk emosi yang dialami oleh jemaah haji yang sebelum ini tidak diketahui oleh individu lain terutamanya jemaah haji sendiri. Di samping itu, ia juga dapat membantu pembentukan teori psikologi dan emosi yang menyeluruh dan dapatan diaplikasikan kepada pelbagai latar belakang masyarakat. Dapatan kajian ini juga dapat memenuhi kekurangan bahan penyelidikan dari Malaysia. Dapatan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan akademik kepada individu pelbagai bidang. Hal ini juga dapat menyumbang ilmu baru kepada persoalan yang dikemukakan.

Perbincangan di atas menunjukkan kepentingan kajian ini iaitu ia adalah sebahagian daripada usaha untuk mengisi jurang penyelidikan yang telah dibincangkan dalam pernyataan masalah. Selain itu, kajian juga mempunyai implikasi praktis yang jelas iaitu hasil dapatan kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada badan-badan bertanggungjawab pengurusan jemaah haji Malaysia. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak berkenaan menyediakan modul dan latihan yang berbentuk akademik dan sah kepada bakal jemaah dari konteks kawalan emosi semasa menunaikan ibadah haji. Ia adalah penting terutamanya kepada individu yang menunaikan ibadah haji buat pertama kali iaitu situasi dan bentuk aktiviti ketika di Arab Saudi yang lain dari kehidupan harian cenderung menyebabkan pelbagai tafsiran dan emosi. Maka, pihak berkenaan dapat memberi latihan sebagai persediaan awal kepada bakal jemaah dari konteks kawalan emosi supaya ia tidak menjejaskan proses haji mereka di Arab Saudi.

1.5 Skop Kajian

Secara umumnya, kajian ini berfokus kepada lima perkara utama. Walau bagaimanapun skop utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Di samping itu, kajian juga berfokus untuk mengenal pasti kekerapa sesuatu emosi yang dialami selain menyelidik faktor-faktor yang mempengaruhi kejadian sesuatu emosi sepanjang berada di Arab Saudi untuk menunaikan ibadah haji. Selain itu, skop kajian ini juga merangkumi menyelidik bentuk-bentuk tindak balas dan pengakhiran emosi yang dialami serta bentuk-bentuk perubahan emosi yang dialami.

Untuk mencapai objektif kajian, kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif terhadap jemaah haji dari seluruh Malaysia yang menunaikan ibadah haji pada tahun kajian dijalankan iaitu pada tahun 2014/1435H. Seramai 22,320 orang jemaah dari Malaysia telah menunaikan ibadah haji di Arab Saudi pada tahun kajian dijalankan (Bernama, 2014, September 7). Kedua-dua gender lelaki dan perempuan telah menyertai kajian yang dijalankan dalam bentuk dua fasa ini. Kajian ini dijalankan terhadap individu yang berumur diantara 25 hingga 64 tahun yang terlibat dalam kajian ini secara sukarela dengan menggunakan *probability sampling method*.

Kajian ini menggunakan dua bentuk kaedah iaitu kaedah catatan diari harian dan kaedah borang soal selidik terbuka dengan melibatkan dua fasa yang berlainan. Kaedah pertama yang menggunakan catatan diari harian dijalankan semasa jemaah haji menjalankan ibadah haji di Arab Saudi. Manakala kaedah kedua, iaitu kaedah borang

soal selidik terbuka pula dijalankan terhadap jemaah yang telah pulang ke Malaysia dari menunaikan ibadah haji maksimum enam bulan semasa kajian dijalankan.

Kaedah fasa pertama kajian ini dijalankan dengan membekalkan sebuah diari berbentuk struktur kepada jemaah haji sebelum berlepas ke Arab Saudi untuk menunaikan ibadah haji. Manakala kaedah fasa kedua pula diedarkan melalui email yang melibatkan email survei setelah jemaah pulang ke Malaysia.

1.6 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, sebanyak lima definisi konsep utama telah dikenal pasti iaitu emosi, pengalaman emosi, religiousiti dan spiritualiti (r/s), pergelutan r/s dan haji. Bahagian ini membincangkan definisi konsep yang digunakan dalam kajian ini.

Emosi

Emosi merupakan sesuatu yang berbentuk kompleks yang hadir bersama komponen-komponen lain seperti kognisi, perasaan dan tindakan dalam sesuatu keadaan (Plutchik, 1982) yang disebabkan oleh pelbagai keadaan pemikiran, psikologikal dan biologikal (Goleman, 1995). Terdapat pelbagai jenis emosi seperti marah, menghina, semangat, iri hati, takut, kecewa, kekecewaan, jijik, kegembiraan, benci, berharap, cemburu, seronok, sayang, kebanggaan, kejutan dan kesedihan (Robbins & Timothy, 2010).

Maka, dalam konteks kajian ini, emosi dikaji sebagai satu bentuk tindak balas yang disebabkan oleh sesuatu keadaan dan ia diukur dari konteks kognitif, perasaan dan tindakan. Kehadiran sesuatu emosi dalam kajian ini adalah diukur dari konteks aktiviti

yang dijalankan iaitu ibadah haji di Arab Saudi. Secara umumnya, bentuk-bentuk emosi yang dialami semasa menunaikan ibadah haji adalah menjadi fokus utama kajian ini dijalankan.

Pengalaman Emosi

Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2013) halaman 30, istilah pengalaman menjelaskan apa yang telah dialami, dirasakan atau ditempuhi. Manakala berpengalaman pula menjelaskan bahawa mempunyai pengalaman.

Dalam kajian ini, istilah pengalaman emosi dikaitkan dengan pengalaman yang dialami dari konteks emosi. Terma emosi adalah lebih menyeluruh manakala pengalaman emosi merujuk kepada pengalaman berkait dengan emosi yang dialami dalam satu-satu konteks masa dan keadaan. Lebih jelas lagi, bentuk-bentuk pengalaman emosi yang menjadi fokus kepada kajian ini ialah pengalaman dari segi emosi yang telah dialami oleh seseorang individu semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Pengalaman emosi termasuklah permulaan dan pengakhiran emosi.

Religiousiti dan Spiritualiti (R/S)

Istilah religiositi merujuk kepada aspek ajaran yang berasal daripada penglibatan dalam sesuatu kumpulan agama secara formal, nilai dan tradisi. Ia juga berasal daripada ahli kumpulan tertentu serta melibatkan kepercayaan atau amalan tertentu (Vaillant, 2013). Manakala spiritual merupakan perkara yang berkaitan dengan atau bersifat rohani atau jiwa (bukan sifat fizikal) dan rohaniah. Di samping itu, spiritualiti juga boleh dilihat sebagai sumber yang membantu untuk menempatkan dan mempertahankan seseorang

individu dalam melalui krisis kehidupan (Pargament, Murray-Swank, Magyar, & Ano, 2005).

Dalam konteks kajian ini, konsep r/s dilihat sebagai hadir bersama. Lebih jelas lagi, individu yang menunaikan ibadah haji di Arab Saudi adalah dikategorikan sebagai individu yang mempunyai pegangan r/s.

Pergelutan R/S

Pergelutan r/s merupakan “ekspresi terhadap konflik, soalan dan kekeliruan berkaitan dengan kepercayaan, Tuhan dan halangan keagamaan” (McConnell, Pargament, Ellison, & Flannelly, 2006). Hal ini bermaksud bahawa individu yang mengalami konflik berkaitan dengan kepercayaan kepada Tuhan berpotensi mengalami emosi negatif seperti marah dan murung. Pergelutan r/s turut didefinisikan sebagai tekanan, ketegangan dan konflik tentang isu kesucian dengan *supernatural*, individu lain dan diri sendiri (Exline, 2013; Pargament, Murray-Swank, Magyar, & Ano, 2005).

Dalam konteks kajian ini, pergelutan r/s diukur sebagai salah satu penyumbang kepada pengalaman emosi negatif yang dialami Semasa menunaikan ibadah haji di Arab Saudi. Hal ini kerana seperti yang dijelaskan diatas, pergelutan r/s membangkitkan emosi negatif.

Haji

Haji merupakan aktiviti mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah pada bulan-bulan haji iaitu pada bulan ke-11 mengikut kalendar Islam (Lembaga Tabung Haji, 2007; Awang, 2001). Aktiviti ini bertujuan untuk mengerjakan ibadah-ibadah tertentu

oleh individu yang telah memenuhi syarat-syaratnya iaitu beragama Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan (Lembaga Tabung Haji, 2007). Manakala berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2013) halaman 499 pula, istilah haji dijelaskan sebagai rukun Islam yang kelima yang memerlukan seseorang Islam yang cukup syaratnya pergi ke Mekah dan melakukan beberapa ibadah yang berkaitan dengan fardu itu. Manakala konsep mengerjakan haji pula dijelaskan sebagai menunaikan fardu haji atau individu yang berangkat ke Mekah untuk menunaikan fardu haji. Di samping itu, jemaah pula merupakan rombongan orang yang pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu haji.

Dalam kajian ini, haji dikaji sebagai satu bentuk aktiviti spiritual individu beragama Islam. Walau bagaimanapun kajian ini memberi tumpuan kepada jemaah dari Malaysia yang ke Arab Saudi dengan tujuan untuk menunaikan ibadah haji.

1.7 Rumusan

Bab 1 telah membincangkan gambaran awal tentang kajian ini. Maka, bab seterusnya akan membincangkan kajian ini dengan lebih mendalam dengan mengaitkan kajian-kajian lepas yang bersesuaian. Di samping itu, dalam bab tersebut juga dijelaskan teori-teori yang bersesuaian serta kerangka konseptual yang direka berdasarkan perbincangan di bab tersebut yang dijadikan sebagai panduan perjalanan kajian ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan perkara utama dalam penyelidikan ini seperti emosi, spiritualiti dan religiositi serta haji. Perbincangan juga akan dikaitkan dengan kajian-kajian lepas yang relevan dengan kajian semasa. Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa pecahan bab seperti penerangan diberikan kepada perkara-perkara utama kajian ini seperti emosi, religiositi dan spiritualiti (r/s) dan haji. Di samping menjelaskan definisi konsep-konsep tersebut, juga diterangkan dengan lebih mendalam maklumat-maklumat yang bersesuaian.

Sub topik pertama dalam bab ini disusun dengan menumpukan kepada bahagian emosi yang menjadi sebahagian besar fokus dalam kajian ini. Oleh sebab ibadah haji adalah berhubung kait dengan bidang r/s, perkara ini juga turut dijelaskan sebelum membincangkan perihal ibadah haji. Bab ini turut membincangkan kaedah penyelidikan pengalaman emosi kerana adalah penting untuk membahaskan cara emosi dikaji dalam kajian-kajian sebelum ini. Setelah membincangkan semua perkara yang berkaitan, ia digunakan untuk membentuk kerangka konseptual yang dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini. Perbincangan di bahagian ini banyak menggunakan kajian-kajian lepas dari negara Barat sebagai rujukan utama kerana kajian yang berfokus di negara Malaysia adalah masih terhad.

2.1 Emosi

Emosi merupakan satu elemen yang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia (Lazarus, 1991) dan dalam menentukan kualiti kehidupan mereka (Ekman, 2003). Ia tidak boleh disentuh dan dirasa, tetapi kehadirannya memberi kesan dan mempengaruhi manusia. Ia juga boleh menjadi asas kepada cara seseorang melihat hari-harinya, individu lain dan kejadian-kejadian utama dalam kehidupan mereka (Stanley, 2013). Kebanyakan tingkah laku manusia adalah dipengaruhi oleh emosi (Lazarus, 1993). Misalnya, seseorang individu menjadi gembira dengan pencapaian anak-anak atau menjadi kurang semangat apabila kurang mendapat penghargaan. Emosi turut memberi impak terhadap tahap kesihatan atau masalah mental dan fizikal, di mana tahap kesihatan emosi yang positif akan membawa kepada kesihatan fizikal yang lebih baik (Lazarus, 1991).

Penjelasan ringkas di atas menekankan bahawa emosi merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia dan telah menjadi satu fokus utama dalam bidang psikologi. Kajian ini adalah sebahagian daripada cubaan untuk lebih memahami emosi, khususnya dalam konteks r/s seperti haji. Bahagian berikutnya membincangkan beberapa aspek penting yang berkaitan dengan emosi seperti definisi dan komponen emosi. Penerangan diteruskan kepada bentuk-bentuk emosi dan perkara-perkara yang mempengaruhi emosi.

2.1.1 Definisi Emosi

Sejak seratus tahun yang lalu, ahli psikologi telah mencadangkan pelbagai definisi yang berfokus terhadap manifestasi atau komponen emosi yang berbeza-beza (Desmet, 2004). Hal ini menyebabkan istilah emosi sukar untuk dijelaskan dengan tepat (Kalat & Shiota, 2007). Oleh itu, terdapat pelbagai bentuk tanggapan yang diberikan oleh ahli psikologi mengenai istilah ini. Walau bagaimanapun, tiada mana-mana pandangan ahli psikologi yang dikatakan benar dan dianggap sebagai definisi yang tepat untuk menjelaskan istilah ini (Kalat & Shiota, 2007).

Misalnya, Plutchik (1982) dalam kajiannya menyimpulkan emosi sebagai suatu urutan yang kompleks kepada tingkah laku. Ia mendorong kepada berlakunya penaksiran kognitif, perubahan subjektif, autonomik dan rangsangan saraf (*neural arousal*). Ia juga mendorong sesuatu kelakuan dan tingkah laku untuk menerima kesan terhadap pendorong yang memulakan urutan yang kompleks itu (Plutchik, 1982).

Dengan menggunakan definisi tersebut, Panksepp (2003) menyimpulkan bahawa setiap emosi mempunyai tiga aspek utama iaitu kognitif, perasaan dan tindakan. Kognisi merupakan penaksiran iaitu cara seseorang menginterpretasi sesuatu situasi atau keadaan. Contohnya, “saya rasa bahaya”. Seterusnya, perasaan merupakan berbentuk sensasi. Contohnya, “bagaimana perasaan melalui pengalaman itu?”. Manakala tindakan pula mendorong seseorang untuk bertingkah laku dalam sesuatu cara, walaupun mungkin ia menyekat dorongan tersebut (Kalat & Shiota, 2007).

Selain Plutchik (1982) dan Panksepp (2003), Goleman (1995) juga mendefinisikan emosi secara meluas dan mendalam dalam kajiannya. Beliau berpendapat bahawa emosi adalah suatu perasaan yang disebabkan oleh pelbagai keadaan pemikiran, psikologikal dan biologikal. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis perasaan dan emosi yang boleh dialami oleh seseorang manusia normal. Kadang-kala, perasaan atau emosi tersebut bergabung atau bercampur-baur dan menimbulkan pelbagai bentuk perasaan atau emosi lain (Goleman, 1995).

Bagozzi, Baumgarter, dan Pieters (1998) pula menjelaskan emosi sebagai kesediaan tahap mental iaitu dialami melalui penilaian kognitif terhadap sesuatu kejadian atau fikiran. Emosi juga dikatakan mempunyai tona fenomenologikal, hadir bersama proses fisiologikal, sering diekspres secara fizikal dan mungkin menghasilkan keputusan dalam bentuk tindakan tertentu sebagai cubaan untuk mengesahkan atau mengendalikan emosi yang dialami. Walau bagaimanapun, keseluruhan proses ini juga adalah bergantung kepada individu yang mengalaminya (Bagozzi, Baumgarter, & Pieters, 1998).

Kalat dan Shiota (2007) menjelaskan terma 'emosi' dengan menggambarannya sebagai sesuatu gerakan (*motion/e-motion*) iaitu bergerak keluar. Biasanya, istilah emosi digunakan untuk merujuk kepada gangguan atau pergolakan. Maka, definisi ini diringkaskan maksudnya kepada pengalaman pergolakan yang dialami oleh manusia dan juga haiwan (Kalat & Shiota, 2007). Apabila disebut sebagai bergerak keluar, boleh juga disimpulkan bahawa emosi ini akan diekspresikan dan seterusnya diperhatikan dari luaran. Hal ini bolehlah dikaitkan dengan perkara yang dicadangkan oleh Bagozzi,

Baumgarter, dan Pieters (1998) iaitu emosi dikatakan sebagai sesuatu yang boleh diekpresikan secara fizikal.

Solomon (2008) meringkaskan bahawa definisi emosi adalah sukar untuk dijelaskan dan ia merupakan perasaan yang dilaporkan hadir bersama dengan fisiologikal, kognisi dan komponen tingkah laku. Walau bagaimanapun, emosi dijelaskan sebagai suatu pengalaman perasaan berbentuk subjektif yang hadir bersama beberapa perubahan psikologikal dalam badan, biasanya bersama perubahan ekspresi wajah, kedudukan badan atau tona suara. Akhirnya, emosi juga adalah berkait dengan cara perlakuan tingkah laku seseorang (Deacon, 2013).

Hasil perbincangan di atas dapat dijelaskan bahawa emosi adalah satu konsep yang sukar ditetapkan maksud yang tepat (Kalat & Shiota, 2007) kerana terdapat pelbagai andaian berbeza yang dicadangkan oleh para penyelidik (Solomon, 2008; Kalat & Shiota, 2007; Panksepp, 2003; Bagozzi, Baumgarter, & Pieters, 1998; Goleman, 1995; Plutchik, 1982). Walau bagaimanapun adalah jelas bahawa emosi adalah sesuatu yang berbentuk kompleks yang hadir bersama komponen-komponen lain seperti kognisi, perasaan dan tindakan dalam sesuatu keadaan. Maka, dari perspektif kajian ini, emosi dikaji sebagai satu bentuk tindak balas yang disebabkan oleh sesuatu keadaan. Istilah 'emosi' dalam kajian ini merujuk kepada fenomena luas yang merangkumi perasaan sedar dan perubahan fisiologi seperti rangsangan yang mempengaruhi sesuatu tindakan. Dalam memahami emosi, komponen-komponen emosi juga adalah penting untuk difahami. Bahagian seterusnya, menerangkan komponen emosi yang terlibat dalam kejadian sesuatu pengalaman emosi.